

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berdasarkan harga pasaran minyak mentah bernilai USD 45-55, berapakah sumbangan Petronas kepada Kerajaan Pusat dan Negeri melalui royalti, cukai, dividen, pembayaran tunai dan duti eksport petroleum.

**JAWAPAN**

Bagi setiap penurunan harga minyak mentah Dated Brent sebanyak USD1 setong, sumbangan PETRONAS kepada hasil Kerajaan Persekutuan dalam bentuk cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan petroleum, duti eksport dan bayaran royalti dianggarkan menyusut sebanyak RM400

juta pada tahun semasa. Jumlah tersebut tidak mengambilkira sumbangan PETRONAS dalam bentuk dividen. Penetapan dividen kepada Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan kepada purata harga minyak mentah dunia pada tahun sebelumnya.